

PENENTANGAN BURUH ESTET PERLADANGAN
DI BORNEO UTARA, 1881-1941

AMY AZUAN BIN ABDULLAH



FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 10 Ogos 2016

Amy Azuan BinAbdullah
MA1311002T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : AMY AZUAN BIN ABDULLAH

NO. MATRIK : MA1311002T

TAJUK : PENENTANGAN BURUH ESTET PERLADANGAN DI
BORNEO UTARA, 1881-1941

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SEJARAH)

TARIKH VIVA : 15 JUN 2016



1. PENYELIA UTAMA

Dr. Maureen De Silva



Tandatangan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T atas petunjuk, hidayah dan limpah kurnia-Nya kerana memberi kekuatan sehingga terhasilnya tesis ini.

Terima kasih buat keluarga tercinta kerana memahami perjuangan dalam usaha menuntut kesejahteraan bersama di masa mendatang. Buat mama dan bapa, terima kasih kerana tidak pernah putus memberikan dorongan moral dan bantuan kewangan sepanjang perjuangan anakmu ini. Ketahuilah, tidak ternilai dengan wang ringgit segala curahan kasih sayang kamu. Buat kakak, adik-adik dan yang istimewa, terima kasih kerana sentiasa bersabar dengan keadaan dan tidak putus menghulurkan bantuan. Jalan ini saya pilih untuk kita semua.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Maureen De Silva atas nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan beliau dalam proses menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana sedia berkongsi pendapat, maklumat dan bertoleransi atas segala perbincangan. Dengan didikan, kesabaran dan motivasi yang diberikan, tesis ini akhirnya berjaya diselesaikan mengikut perancangan. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih saya ucapkan khususnya kepada En. Baszley Bee B. Basrah Bee, Dr. Md. Saffie Abdul Rahim, En. Eko Prayitno Joko, En. Shaukhi Mohd Radzi, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Prof. Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah dan semua barisan pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan kerana banyak memberikan cadangan idea dan sudi memberi peluang dalam pelbagai projek kajian sebagai peningkatan kemahiran penyelidikan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, Aping Sajok, Zainuddin Baco, Lison Majikon, Billy Winceslaus, kumpulan penyelidik UPARK FKSW dan semua sahabat tersayang kerana sudi memberikan pelbagai bantuan, idea dan dorongan sehingga tesis ini berjaya dihasilkan. Kepada *bandmate*, 'Pee Bee' (Airolvean, Billy, Joel, Moses, Helary & Tommy), terima kasih kerana mengimbangi kehidupan sosial saya.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Arkib Negeri Sabah kerana memberikan perkhidmatan yang terbaik serta semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung sehingga saya berjaya menyelesaikan tesis ini. Semoga ALLAH S.W.T. memberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada kalian semua.

Amy Azuan Abdullah
1 Februari 2016

ABSTRAK

Kajian mengenai sejarah perburuhan ini merupakan kajian yang memfokuskan tentang sejauh mana realiti kehidupan estet dan kawalan terhadap buruh telah membawa kepada manifestasi penentangan buruh estet perladangan di Borneo Utara semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB). Kajian ini banyak bergantung kepada sumber primer khususnya dokumen dan surat menyurat kolonial, akhbar, laporan tahunan pentadbir serta koleksi surat persendirian yang diperoleh dari pelbagai tempat. Kajian mendapati bahawa realiti kehidupan yang melibatkan eksloitasi, penganiayaan fizikal, bebanan hutang, pemotongan upah, ketirisan peruntukan perundangan serta kawalan dari segi mobiliti sosial buruh telah mengakibatkan ketidakpuasan hati dalam kalangan buruh sehingga membawa kepada suatu bentuk reaksi daripada mereka. Reaksi penentangan yang telah dimanifestasikan dalam bentuk secara langsung ataupun tidak langsung ini telah memberi kesan yang mendalam sehingga terdapat usaha daripada pelbagai pihak untuk menangani isu penentangan buruh ini agar kehidupan buruh menjadi lebih baik.




ABSTRACT

LABOUR RESISTANCE ON BRITISH NORTH BORNEO PLANTATIONS, 1881-1941

This research aims to investigate the extent to which the realities of plantation life and labour control affected and contributed towards the manifestations of labour resistance on North Borneo plantation estates during the administration of the British North Borneo Company (BNBCC). This study relies heavily on primary sources particularly colonial documents, despatches, government annual reports and private collections from various places. The study finds that the realities of plantation life that involved exploitation, physical abuse, debt, wage cuts, insufficient legal protection and labour control in terms of social mobility had led to dissatisfaction among labourers. These frustrations which were manifested in the form of direct or indirect resistance had impacted the industry thus attempts were made from various quarters to improve labour conditions as means to suppress labour resistance.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
  The logo of Universiti Malaysia Sabah (UMS) features a circular emblem with a blue border. Inside the border, the letters 'UMS' are written in a white, stylized font. Below the emblem, the university's name 'UNIVERSITI MALAYSIA SABAH' is written in a smaller, sans-serif font.	
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Skop Kajian	19
1.7 Kaedah Kajian	20
1.8 Pembahagian Bab	23
1.9 Kesimpulan	24
BAB 2 : PERLADANGAN DAN LATAR BELAKANG BURUH DI BORNEO UTARA, 1881-1941	25
2. 1 Pengenalan	25
2. 2 Perkembangan Industri Perladangan di Borneo Utara, Modal Perusahaan (Syarikat) dan Pembukaan Estet Di Borneo Utara, 1881-1941	26

2. 3	Latar Belakang Struktur Pengurusan Estet Di Borneo Utara	44
2. 4	Pengenalan Kepada Sistem Undang-Undang Buruh dan Jabatan Pelindung Buruh	47
2.5	Latar Belakang Buruh Perladangan Di Borneo Utara	50
2.5.1	Buruh Tempatan	52
2.5.2	Buruh Cina	59
2.5.3	Buruh Jawa	66
2.5.4	Buruh Jepun	71
2.6	Kesimpulan	78
BAB 3 : KEHIDUPAN DI ESTET PERLADANGAN DAN KAWALAN KE ATAS BURUH		80
3.1	Pengenalan	80
3.2	Kehidupan di Estet dan Kawalan Buruh	81
3.2.1	Layanan Pihak Pengurusan Estet	82
3.2.2	Kemudahan Kebajikan dan Kesihatan	98
3.2.3	Gaji Buruh Estet	124
3.2.4	Tugasan Kerja, Peruntukan Cuti, Makanan dan Kedai Estet	134
3.2.5	Wanita dan Peranannya di Estet	144
3.2.6	Opium dan Perjudian	148
3.3	Kesimpulan	153
BAB 4 : MANIFESTASI PENENTANGAN PERLADANGAN DI BORNEO UTARA		BURUH ESTET
4.1	Pengenalan	155
4.2	Konsep dan Bentuk-Bentuk Penentangan Buruh	156
4.3	Manifestasi Penentangan Buruh Di Estet Perladangan Borneo Utara	161
4.3.1	Penentangan Secara Tidak Langsung	162
a.	<i>Desertion</i> (Melarikan diri atau meninggalkan tempat kerja)	162
b.	Membunuh Diri	171
4.3.2	Penentangan Secara Langsung	172

4.3.3	Penentangan Secara Langsung Terhadap Pihak Pengurusan Estet	173
a.	Serangan dan rusuhan terhadap Pengurus Estet dan Pembantu Pengurus Estet	173
b.	Mogok	186
c.	Sabotaj	202
4.3.4	Penentangan Secara Langsung Dalam Kalangan Buruh Estet Perladangan di Borneo Utara	203
a.	Pergaduhan dan Pembunuhan Antara Buruh	204
4.4	Perkaitan Kes Faktor-Faktor Penentangan Buruh Dengan Sistem Kawalan Terhadap Buruh	209
4.5	Statistik Manifestasi Penentangan Buruh Estet Perladangan Di Borneo Utara	231
4.6	Kesimpulan	238
BAB 5 : USAHA MENANGANI PENENTANGAN BURUH ESTET PERLADANGAN DI BORNEO UTARA		
5.1	Pengenalan	240
5.2	Langkah Perlindungan Buruh Di Estet Perladangan	241
5.2.1	Tindakan Pihak Luar	241
a.	Peranan <i>The Anti-Slavery & Aborigines Protection Society (ASAPS)</i>	242
b.	Peranan Kerajaan Belanda	247
5.2.2	Tindakan Kerajaan SBBUB (Perundangan)	254
5.3	Peruntukan Hukuman Bagi Menangani Penentangan Buruh	263
5.3.1	Tindakan Pihak Pengurusan Estet (Rasmi dan Tidak Rasmi)	263
5.3.2	Tindakan Kerajaan SBBUB (Perundangan)	266
a.	Jenis-Jenis Hukuman Terhadap Buruh	266
5.4	Kesimpulan	277
BAB 6 :	KESIMPULAN	279

RUJUKAN
LAMPIRAN

287
300



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

Peta 1 : North Borneo, 1881-1938

Halaman
xvii



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Senarai Syarikat dan Estet Tembakau Pada Tahun 1892	31
Jadual 2.2 : Senarai Syarikat Getah Yang Beroperasi di Borneo Utara Pada Tahun 1907 dan 1918	37
Jadual 2.3 : Senarai Estet di Lima Bahagian Residensi Borneo Utara Sehingga Tahun 1927	43
Jadual 2.4 : Senarai Penduduk Peribumi Berdasarkan Etnik Dalam Banci 1891-1931	53
Jadual 2.5 : Buruh Tempatan Bagi Enam Buah Estet di Borneo Utara Pada Tahun 1920	55
Jadual 2.6 : Buruh-Buruh di Borneo Utara Dari Tahun 1928-1940	58
Jadual 2.7 : Buruh Kontrak Yang Direkrut Menggunakan Agensi Berbeza Dari Jawa Ke Kawasan Lain	70
Jadual 2.8 : Imigran Jepun di Borneo Utara Pada Tahun 1911	80
Jadual 3.1 : Aduan Kes Ke Atas Holman Pada 1 Jun 1916, Oleh R.G.L. Horton (Majistret)	96
Jadual 3.2 : Jenis Penyakit dan Jumlah Kes Serta Kematian Dalam Kalangan Buruh Estet Perladangan di Borneo Utara, 1934-1940	116
Jadual 3.3 : Perbezaan Upah Antara Buruh Lelaki dan Wanita di Borneo Utara, 1914-1930	127
Jadual 3.4 : Aduan Pemotongan Upah Oleh Holman Bagi Bulan April 1916	131
Jadual 3.5 : Nisbah Bilangan Lelaki Ke atas Wanita di Estet Perladangan Borneo Utara, 1924-1940	147
Jadual 4.1 : Jumlah Buruh Yang Melarikan Diri dan Ketidakhadiran Buruh Tempatan Tanpa Cuti, 1915-1932	165
Jadual 4.2 : Jumlah Buruh Yang Melarikan Diri dan Ketidakhadiran Buruh Tempatan Tanpa Notis, 1933-1941	169
Jadual 4.3 : Jumlah Kes Sabotaj di Residensi Estet Teluk Marudu, 1909-1912	203
Jadual 5.1 : Penjadualan Hukuman Sebatan Untuk Penggal Kedua Tahun 1921	268

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 : Kadar Kematian dan Sakit di Estet, 1890-1896	100
Rajah 3.2 : Kadar Kematian Buruh Bagi Lima Residensi Estet di Borneo Utara, 1919-1932	103
Rajah 3.3 : Jumlah Kes Beri-Beri di Lima Gabungan Bahagian Residensi Estet Borneo Utara, 1918-1932	105
Rajah 3.4 : Kadar Kematian dan Kadar Buruh Sakit di Borneo Utara, 1933-1940	115
Rajah 4.1 : Simbol " <i>Communistic Emblem</i> "	191
Rajah 4.2 : Statistik Manifestasi Penentangan Buruh Estet Perladangan di Borneo Utara, 1910-1940	233
Rajah 5.1 : Sabit Kesalahan di Bawah Ordinan Buruh, <i>Indian Penal Code</i> dan Undang-Undang Lain, 1915-1932	274
Rajah 5.2 : Sabit Kesalahan di Bawah Ordinan Buruh dan Undang-Undang Lain, 1933-1939	276



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

Halaman

- Foto 4.1 : Kubur Pembantu Pengurus Estet Melalap, Frederick Leggatt yang terkorban dalam serangan di Estet Melalap pada tahun 1914. 178
- Foto 4.2 : Sastro dan Kamdari semasa di tahan Jabatan Siasatan Jenayah 193



SENARAI LAMPIRAN


	Halaman	
Lampiran A	<i>The Labour Proclamation, 1908</i>	300
Lampiran B	<i>Ordinance No. 9 of 1916</i>	313
Lampiran C	<i>Ordinance No. 2 of 1929</i>	333
Lampiran D	Kontrak Belanda	350
Lampiran E	<i>Ordinance 1 of 1936</i>	352
Lampiran F	Senarai Gabenor Borneo Utara, 1881-1937	369
Lampiran G	Senarai Pegawai Pentadbiran Kerajaan, 1887-1938	370
Lampiran H	Senarai Pelindung Buruh 1913-1924	371
Lampiran I	Senarai Pelindung Buruh, Timbalan Pelindung Buruh dan Pembantu Pelindung Buruh, 1925-1932	372
Lampiran J	<i>Protectorate, Office of Secretary for Chinese Affairs and Immigration Department, 1933-1940</i>	373
Lampiran K	Kronologi Penubuhan Syarikat Perladangan di Borneo Utara, 1905-1922	374
Lampiran L	Ilustrasi Pengurus Estet Langkon, Mr. Van Houten bersama kakitangan Eropahnya	376
Lampiran M	Ilustrasi Estet Sapong	377
Lampiran N	Ilustrasi Estet Langkon	378
Lampiran O	Ilustrasi salah satu bangsal penapaian tembakau di Borneo Utara	379
Lampiran P	Ilustrasi Estet <i>The British Borneo Para Rubber</i>	380
Lampiran Q	Ilustrasi Pemandangan Estet <i>Manchester North Borneo Rubber</i> dari veranda rumah Pengurus Estet	381
Lampiran R	Ilustrasi Estet <i>Manchester North Borneo Rubber</i>	382
Lampiran S	Tuan Richard Baxter, Anak Kepada Generasi Kedua Pengurus Estet Sapong, John Ramsey Baxter	383

SENARAI SINGKATAN

ADEK	-	<i>Algemeen Delisch Emigratie Kantoor</i>
ANS	-	Arkib Negeri Sabah
ASAPS	-	<i>The Anti Slavery & Aborigines Protection Society</i>
CLC	-	<i>Chinese Labour Corps</i>
I.P.C.	-	<i>Indian Penal Code</i>
ILO	-	<i>International Labour Organisation</i>
KPM	-	<i>Koninklijke Paketvaart Maatschappij</i>
KTRE	-	<i>Kuhara Tawau Rubber Estate</i>
NBCA	-	<i>North Borneo Central Archives</i>
PRO	-	<i>Public Record Office</i>
SBBUB	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SEA	-	<i>South Sea Association</i>
TNC	-	<i>Trans-National Corporation</i>



1 UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Peta 1 : North Borneo, 1881-1938

Sumber : Diubahsuai daripada peta asal North Borneo 1938 (ANS: NBCA, No. Fail 92 E, Administration Annual Reports, 1938). Kawasan yang dilabelkan merupakan residensi estet perladangan yang dinyatakan dalam kajian tesis ini.

Petunjuk:

	Residensi Estet Pedalaman, Estet Sapong dan Melalap
	Kedudukan Estet Kinarut, Papar, Kimanis, Bongawan, Membakut, Mawao, Lumat dan Beaufort
	Estet Langkon
	Estet Senaja dan Estet Pitas
	Estet Ranau
	Estet Tuaran, Tenghilan, Menggatal dan Inanam
	Estet Labuk
	Estet Lamag
	Estet Residensi Sandakan meliputi Estet tembakau Batu Puteh, Estet Bilit, Estet Sekong, Estet Bode dan Estet Sandala
	Estet Residensi Pantai Timur meliputi Estet tembakau New Darvel, Estet Segama, Estet Kuhara dan Estet Kubota


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Borneo Utara merupakan suatu kawasan yang kaya dengan pelbagai bahan mentah. Oleh yang demikian, hal ini mendorong British melalui Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) menjalankan dasar ekspansionisme mereka. Semasa pentadbiran SBBUB secara rasmi pada tahun 1881, pelbagai kegiatan pertanian telah dijalankan melalui komoditi tembakau, getah, kelapa, padi dan *manila hemp*. Komoditi ini khususnya tembakau dan getah turut dieksport bagi memenuhi keperluan industri di Eropah. Dalam hal perladangan yang dibentuk oleh model gedung-gedung agensi korporat serta infrastruktur yang disediakan oleh SBBUB, kepesatan pembukaan ladang secara besar-besaran semakin giat dijalankan.



SBBUB memerlukan buruh untuk mengisi kepesatan industri perladangan di Borneo Utara. Selain membawa masuk buruh luar seperti buruh Cina, Jawa dan Jepun yang mempunyai latar belakang sosiobudaya yang berbeza, buruh tempatan turut terlibat dalam sistem ekonomi perladangan SBBUB khususnya semasa kepesatan perladangan getah. Walau bagaimanapun, sistem ekonomi berskala besar mengakibatkan kehidupan buruh adalah amat mencabar. Ini menyebabkan mereka melakukan penentangan terhadap majikan melalui pelbagai bentuk. Penelitian awal mendapati bahawa tidak banyak penulisan yang memfokuskan tentang fenomena penentangan buruh, dan sangat jelas ini merupakan satu kekurangan besar dalam penulisan sejarah Sabah. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan tentang realiti kehidupan dan kawalan yang dilakukan ke atas buruh estet dan kaitannya dengan manifestasi penentangan buruh-buruh estet perladangan di Borneo Utara pada tahun 1881 sehingga 1941 semasa pentadbiran SBBUB.

1.2 Permasalahan Kajian

Golongan buruh yang bekerja dalam sektor perladangan di Borneo Utara semasa era SBBUB hidup dalam keadaan yang sangat mencabar disebabkan ciri perladangan estet yang merupakan satu bentuk ekonomi skala besar bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos. Seringkali buruh dinafikan hak mereka dari pelbagai aspek termasuklah dalam aspek material (melibatkan soal gaji, tugas, kesihatan, kemudahan kebajikan) dan sistem kawalan aspek bukan material, misalnya mobiliti sosial, kehidupan kekeluargaan, dan lain-lain. Keadaan ini mengakibatkan buruh terdedah kepada eksplorasi pihak majikan dan jelas keadilan gagal berpihak kepada buruh. Terdapat juga isu-isu kemanusiaan seperti kezaliman fizikal dan mental terhadap buruh yang mengakibatkan ketidakpuasan hati buruh dan menimbulkan perasaan memberontak dalam diri mereka. Dalam keadaan tertekan dan terdesak, buruh akan menunjukkan reaksi penentangan yang pelbagai sebagai respon kepada keadaan yang berlaku di sekeliling mereka. Sudah tentunya setiap penentangan yang dilakukan oleh buruh, baik secara langsung maupun secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan realiti kehidupan dan kawalan yang dilakukan oleh pihak estet.


Maka kajian ini akan cuba menjawab permasalahan sejauh mana realiti kehidupan dan kawalan yang dilakukan oleh pihak estet telah membawa kepada tren manifestasi penentangan buruh yang berlaku di estet perladangan Borneo Utara. Antara persoalan-persoalan yang timbul ialah bagaimanakah kemunculan estet perladangan di Borneo Utara dan kesannya kepada penglibatan buruh tempatan dan buruh luar? Bagaimanakah realiti kehidupan dan kawalan yang dilakukan terhadap buruh estet perladangan? Apakah bentuk-bentuk manifestasi penentangan buruh yang berlaku dan perkaitannya dengan faktor-faktor penentangan buruh dengan sistem kawalan terhadap buruh estet perladangan di Borneo Utara? Akhir sekali, apakah usaha perlindungan yang dilakukan bagi menangani penentangan buruh estet di Borneo Utara?

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bagi mencapai empat objektif penting. Pertamanya ialah, untuk membincangkan pembukaan estet perladangan di Borneo Utara termasuk pembentukan organisasi sesebuah estet dan kesannya terhadap latar belakang penglibatan buruh estet tempatan dan buruh luar.

Selain itu, kajian ingin memahami realiti kehidupan serta sistem kawalan yang dilakukan terhadap buruh estet perladangan di Borneo Utara berdasarkan beberapa aspek seperti layanan pihak pengurusan dan gaji sekaligus menjawab persoalan sejauh mana keadaan ini dipengaruhi oleh Ordinan Buruh yang diperuntukkan.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tren bentuk-bentuk manifestasi kes penentangan buruh estet yang berlaku dan perkaitannya dengan faktor-faktor penentangan serta sistem kawalan terhadap buruh estet perladangan di Borneo Utara.



Akhir sekali, kajian ini dilakukan untuk menilai usaha yang dilakukan bagi menangani penentangan buruh melalui langkah perlindungan oleh pihak luar dan kerajaan SBBUB serta tindakan menangani penentangan melalui aspek hukuman dan undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan estet dan kerajaan SBBUB.

1.4 Sorotan Literatur

Penelitian terhadap kajian ini akan memfokuskan idea utama berkenaan realiti kehidupan dan kawalan serta bentuk-bentuk manifestasi penentangan yang berlaku di Borneo Utara. Teras utama mengenai aspek realiti kehidupan dan kawalan yang dikenakan terhadap buruh khususnya dalam tempoh kolonial adalah merujuk kepada pelbagai karya umum melibatkan penulisan sarjana seperti Lisa Yun, Ronald Takaki, Thomas J. Lindblad, Michael J. Gonzales, Piet Konnings, P. Ramasamy, Rana P. Behal dan Nitin Varma. Lisa (2008) menjelaskan bahawa realiti kehidupan sebagai buruh Cina dan India di setiap tempat adalah berbeza. Persamaannya, "coolie" tidak menjalani kehidupan yang bebas dan senang. Buruh Cina di Cuba dan Peru yang terlibat dengan perladangan teh dan tebu pada tahun 1880-an tidak mendapat layanan yang baik dari aspek upah dan bebanan kerja. 'Kontrak Cuban' misalnya menjelaskan tempoh perkhidmatan buruh adalah sehingga lapan tahun. Buruh dijual dan dilayan seperti seorang hamba meskipun perhambaan telah dihapuskan secara rasmi pada tahun 1886.¹ Kehidupan yang diibaratkan sebagai perhambaan baru ini berlaku dalam realiti kehidupan buruh di Indonesia pada tempoh kolonial (1910-1938). Lindblad (1999), dalam kajian beliau berkenaan buruh-buruh di Deli menjelaskan bahawa penderaan dan kezaliman merupakan perkara biasa dan kerap dilakukan oleh pihak pengurusan dalam kalangan pegawai Belanda. Keadaan ini sangat ketara pada tahun 1910-an berbanding tahun 1920-an. Kezaliman turut dilakukan oleh bangsa Asia khususnya mandur selain beberapa realiti penindasan dari segi upah melalui potongan hutang dan rasion makanan. Realiti ini dikesan berdasarkan kadar kesihatan yang teruk direkodkan di kawasan perladangan Deli.² Gonzales (1995) melihat isu penganiayaan ini melalui bentuk-bentuk ketidakadilan yang dilakukan terhadap buruh Jepun pada awal abad kedua puluh khususnya berkenaan hak pembayaran upah, layanan buruk oleh pihak pengurusan estet, halangan komunikasi, eksploritasi yang dilakukan oleh pihak kedai estet, bebanan kerja dan isu fasiliti kemudahan tempat tinggal serta kesihatan di

¹ Lisa, Yun., *The Coolie Speaks, Chinese Indentured Laborers and Africa Slaves of Cuba*, United States of America: Temple University Press, 2008.

² Lindblad, Thomas J., "Coolies in Deli: Labour Conditions in Western Enterprise in East Sumatra, 1910-1938", dalam Houben, V.J.H., and Lindblad, Thomas J., *Coolie Labour in Colonial Indonesia: A Study of Labour Relations in the Outer Islands, 1900-1940*, Germany: Otto Harrassowitz Verlag, 1999, hlm. 43-52.

kawasan perladangan Peru.³ Justeru, idea berkenaan realiti kehidupan buruh secara umum membantu penulisan ini dari aspek berkenaan persamaan atau perbezaan skop realiti tersebut di Borneo Utara khususnya dari aspek layanan pihak pengurusan, gaji, fasiliti kesihatan dan kebajikan, opium dan perjudian serta wanita.

Beberapa penulisan secara umum membantu kajian untuk melihat bentuk-bentuk kawalan yang dilakukan di kawasan estet. Konnings (1993) menyatakan bahawa, pihak pengurusan estet telah menyediakan pelbagai strategi untuk mengawal buruh. Kawalan ini dapat dilihat melalui autoriti yang dimainkan oleh hierarki pihak estet, pengenalan peraturan disiplin sendiri serta pengenalan beberapa skim insentif dan 'kebajikan sosial'.⁴ Takaki (1983) menjelaskan, terdapat segelintir majikan yang peka dalam menguruskan hal ehwal kebajikan buruh. Ini termasuklah melalui penyediaan sistem pendidikan dan layanan yang baik kepada buruh. Keadaan ini merupakan sebagai satu langkah memastikan buruh bekerja di ladang milik mereka. Sebaliknya, terdapat sesetengah majikan yang menggunakan pendekatan berbeza untuk mengawal buruh. Mereka melakukan peraturan sendiri seperti; kerja selama sepuluh jam setiap hari, ketiadaan bekalan lampu selepas lapan malam dan larangan meninggalkan perkaran estet. Sentimen etniksiti turut digunakan dengan cara merekrut lebih banyak buruh luar sebagai satu cabaran kepada buruh tempatan untuk bekerja dengan gigih.⁵

Idea berkenaan realiti kehidupan dan kawalan juga dapat dilihat dalam kes buruh Cina dan India di Tanah Melayu. Buruh Cina dikawal di bawah penyeliaan *headmen*. Keadaan ini membolehkan eksplorasi dilakukan terhadap buruh apabila pembayaran upah dibuat melalui mereka. Ramasamy (1992) menjelaskan bahawa, buruh Cina turut dikawal melalui pengoperasian *Secret Societies*, aktiviti percanduan

³ Gonzales, J. Michael., "Resistance Among Plantation Worker in Peru, 1870-1920", dalam, Turner, Mary., (Ed.) *From Chattel Slaves to Wage Slaves: The Dynamics of Labour Bargaining in the Americas*, Jamaica: Ian Randle Publishers, 1995, hlm. 201-224.

⁴ Konnings, Piet., *Labour Resistance in Cameroon: Managerial Strategies & Labour Resistance in the Agro-Industrial Plantations of the Cameroon Development Corporation*, London: James Currey Publishers, 1993.

⁵ Takaki, Ronald., *Pau Hana, Plantation Life and Labor in Hawaii*, United States of America: University of Hawaii Press, 1983.

dan kawalan yang dikenakan di rumah kongsi.⁶ Pandangan ini dikukuhkan lagi dengan hujah terawal yang dijelaskan oleh Tan Pek Leng (1984). Beliau menyatakan, buruh-buruh Cina turut dikawal melalui aktiviti rumah pelacuran, perjudian dan pelbagai kaedah '*legal*' dan '*extra-legal*' termasuklah melalui kekejaman fizikal.⁷ Bagi buruh India, kawalan dikenakan melalui mekanisme kekejaman yang dilakukan oleh pihak majikan. Setelah sistem Kangani dikuatkuasakan, kawalan turut dilakukan oleh Kangani khususnya dari segi hukuman berat yang diberikan sehingga terdapat kematian. Namun, terdapat juga segelintir Kangani yang memihak kepada buruh dan sering terlibat sebagai perancang dalam mengorganisasikan penentangan buruh.⁸ Ternyata, karya-karya ini memberi satu persamaan konseptual berkenaan kawalan buruh yang berlaku secara global sama ada kawalan tersebut dilakukan dengan cara yang baik ataupun sebaliknya oleh pihak majikan. Justeru, sejauh mana keadaan ini berlaku akan cuba ditampilkan dalam kes Borneo Utara.

Dalam kes Borneo Utara, tidak terdapat banyak penulisan yang memfokuskan secara langsung mengenai realiti kehidupan dan kawalan-kawalan yang dikenakan terhadap buruh estet perladangan di Borneo Utara. Antara penulisan tersebut ada dicatatkan oleh Maureen De Silva (2009 dan 2012), Owen Rutter (2008), Andrew Massey (2006) Ian D. Black (1983) Zhang Delai (2007) dan Danny Wong Tze Ken (1998 dan 2004). De Silva (2009) dalam tesis kedoktoran beliau berkenaan buruh Kontrak Jawa menjelaskan secara mendalam berkenaan pengrekutan dan perlindungan terhadap buruh Jawa. Secara tidak langsung, beliau turut menjelaskan realiti kehidupan buruh Jawa dari pelbagai aspek material dan bukan material yang mempunyai kaitan dengan sistem kawalan yang dikenakan oleh pihak estet terhadap buruh Jawa.⁹ Kajian turut menjelaskan beberapa bentuk

⁶ Ramasamy, P., "Labour Control and Labour Resistance in the Plantations of Colonial Malaya" dalam, Daniel, Valentine E., et. al (Ed.), *Plantations, Proletarians and Peasants in Colonial Asia*, London: Frank Cass, 1992, hlm. 87-105.

⁷ Tan, Pek Leng., "Chinese Secret Societies and Labour Control in the Nineteenth Century Straits Settlements" dalam, *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*, Vol. II (No. 2), Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1984.

⁸ Ramasamy, P., *Plantation Labour, Unions, Capital, and the State in Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994.

⁹ De Silva, Maureen., "Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932" dalam *Tesis Kedoktoran*, SOAS, London: University of London, 2009, hlm. 176-212.